

30 MAC 2018

Dua rakyat Malaysia ditahan

48 DUNIA!

KOSMO! JUMAAT 30 MAC 2018

Disyaki terbabit dalam kes penyeludupan 700kg dadah jenis Ice

Dua rakyat Malaysia ditahan

BANGKOK – Dua lelaki rakyat Malaysia ditahan ekoran rampasan 700 kilogram (kg) dadah jenis Ice (kristal methamphetamine) daripada sebuah lori membawa nanas dan tembikai di Chumphon, selatan Thailand kelmarin.

Ketua Biro Pencegahan Narkotik (NSB), Leftenan Jeneral Sommai Kongvisaisuk berkata, dua rakyat Malaysia berusia 34 dan 49 tahun itu ditahan di sebuah rumah di Hatyai, selatan Thailand kira-kira pukul 6.30 petang (waktu tempatan) kelmarin.

“Dua rakyat Malaysia ditahan ketika mereka memunggah dadah dari dalam lori ke dalam sebuah rumah di Hatyai,” katanya kepada *Bername* sambil menambah bahawa polis turut menahan seorang lelaki Thailand berusia 45 tahun yang disyaki rakan jenayah tempatan sindiket itu.

Katanya, rakyat Malaysia itu dipercayai melakukan perjalanan ke Hatyai untuk mengambil dadah sebelum menyeludup merentasi sempadan masuk ke Malaysia.

Usaha untuk mengesan

ahli sindiket dadah transnasional itu mula dilakukan selepas pihak berkuasa menahan lori tersebut di lokasi pemeriksaan keselamatan di Chumphon kira-kira pukul 1.30 pagi kelmarin dan menemui sejumlah dadah tersembunyi di sebalik buah-buahan.

Menurut Sommai, rentetan penemuan itu pihak berkuasa membenarkan pemandu lori terbabit meneruskan perjalanan ke Hatyai dengan anggota polis menyamar mengikuti mereka pada jarak yang selamat.

“Hasil penyamaran itu

kita dapat menangkap anggota sindiket yang lain,” katanya.

Polis menahan dua lelaki dari Malaysia itu ketika mereka sibuk memindahkan dadah ke dalam rumah, kata Sommai sambil menambah bahawa rampasan 700kg Ice itu merupakan antara kejayaan terbesar agensinya tahun ini.

Katanya, sindiket tersebut merancang menyeludup dadah itu ke Malaysia melalui Sadao dan kes berkenaan telah dimaklumkan kepada pihak berkuasa Malaysia. – *Bername*



POLIS Thailand menahan dua lelaki rakyat Malaysia (baju putih) dan merampas 700kg dadah Ice di Hatyai kelmarin. BERNAMA